NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#09

23 Feb 2024 – 28 Feb 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Kepincangan Pentadbiran Perlu Penyelesaian 2

Mengapa Pembesaran Airport Penang Lulus? 5

Pelaburan Meningkat, Apa Rakyat Dapat? 7

Sektor Perladangan Kelapa Sawit Kurang Pekerja 10


Caj Pelepasan Karbon Syarikat Penerbangan 12

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Kepincangan Pentadbiran Perlu Penyelesaian

- Selepas kecoh tentang isu pencen penjawat awam, timbul pula isu berkenaan **penamatan perkhidmatan Ketua Pengarah** Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia).



MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MALAYSIA

Ruj. Kami : MOTAC.YBM.100-22/1/4 Jld 3 (26)
Tarikh : 22 Februari 2024

YBHG. DATO' DR. AMMAR BIN ABD GHAPAR
Ketua Pengarah
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
Aras 16, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

Ybhg. Dato' Dr.,

NOTIS PENAMATAN PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PENGARAH LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Dr. berhubung perkara di atas.

2. Selaras dengan peruntukan subseksyen 10(1) Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 *[Akta 481]* dibaca bersama dengan peruntukan seksyen 47 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 *[Akta 388]*, saya selaku Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya yang bertanggungjawab ke atas Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dengan ini memutuskan pelantikan YBhg. Dato' Dr. sebagai Ketua Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan adalah **ditamatkan berkuat kuasa pada 26 Februari 2024.**

Aras 18, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : +603-8000 8000 Faks : +603-8891 7011 E-Mel : minister@motac.gov.my

- Penamatan khidmat Datuk Dr Ammar Abd Ghapar yang berkuat kuasa 26 Februari 2024 oleh Yang Behormat Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Seri Tiong King Sing, adalah di bawah Subseksyen 10 (1) Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481), dibaca bersama Seksyen 47 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388).

- Hal ini menimbulkan beberapa siri kekecohan. Di pihak YBM, penamatan ini adalah atas alasan **prestasi buruk** dan juga kegagalan KP Tourism itu mendengar arahan Menteri.

- Manakala pihak KP pula menafikan dengan menyatakan bahawa selepas perkhidmatan selama 36 tahun termasuk setahun bersama Menteri sekarang,

prestasinya tidak pernah dipertikaikan, malah jumlah pelancong yang masuk ke Malaysia semakin bertambah.

- Penamatan perkhidmatan ini juga dikatakan kerana **ketidakpuasan hati** Menteri terhadap Ketua Pengarahnya yang tidak mahu mengikuti arahannya yang didakwa bercanggah dengan peraturan dan tatakelola. Terdapat juga dakwaan yang mengaitkan tentang pelan penggalakkan pelancongan dari negara tertentu.

- Beberapa pihak telah melontarkan reaksi kurang selesa atas isu penamatan ini. Kesatuan Pekerja-Pekerja Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (KPPLPPM) berpendapat isu ini adalah perkara yang serius terhadap penjawat awam.

- Malahan mereka mencadangkan **Tribunal Penjawat Awam** yang pernah ditubuhkan kerajaan mengikut Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 diwujudkan semula sebagai platform kakitangan kerajaan membela diri jika merasakan berlaku penganiayaan terhadap mereka.

- Perdana Menteri harus mengambil serius perkara ini kerana berdasarkan kepada surat yang tular berkenaan penamatan perkhidmatan KP, tarikh kuat kuasa penamatan perkhidmatan, iaitu lima hari, ia adalah tempoh amat singkat, sekali gus mengundang imej dan persepsi yang tidak baik terhadap mana-mana pihak yang menghadapi situasi sama.

- Isu ini jika terus dibiarkan, pasti akan membarah dan menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan penjawat awam. Apatah lagi beberapa isu kontroversi antara Menteri terbabit dengan penjawat awam yang berlaku sebelum ini seperti menimbulkan luka lama.

- Menteri yang sama telah menyerbu dan **mengganggu tugas** serta protokol oleh Imigresen di KLIA semata-mata dengan alasan mahu membantu pelancong China. Malah rakyat juga menilai akhlak Menteri yang mabuk secara

terbuka dan menjawab secara angkuh di dalam Parlimen perihal mabuk beliau di khalayak ramai.

- Sepatutnya apapun alasan yang diberikan oleh Menteri, rakyat merasakan ada sesuatu yang tidak kena. Rakyat hairan bila secara terbuka "berperang" dengan penjawat awam. Rakyat pasti tertanya-tanya adakah kerana kesalahan penjawat awam itu terlalu besar sehingga diperlakukan sedemikian atau ada alasan lain yang hendak disembunyikan.

- Kerajaan perlu bertindak bijak menyelesaikan perkara ini. Kita tidak mahu beberapa siri "pergaduhan" pihak pentadbir (Menteri) akan menyebabkan motivasi penjawat awam semakin merudum dan menyebabkan penjawat awam sendiri tidak menyokong aspirasi kerajaan.

- Malahan kita tidak mahu peristiwa **sabotaj kerajaan** atau *deep state* seperti yang didakwa oleh kerajaan PH (kini Kerajaan Madani) seawal tahun 2018 itu berlaku kembali. Hal ini akan merugikan rakyat Malaysia.

- Lebih membimbangkan tindakan seperti ini adalah petanda bahawa kebebasan mentadbir dan menguruskan pentadbiran sudah hilang di era Kerajaan Madani.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1216120/ketua-pengarah-tourism-malaysia-ditamatkan-perkhidmatan
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1216163/kesatuan-pekerja-pekerja-lembaga-penggalakan-pelancongan-malaysia
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1120732/tular-menteri-didakwa-buat-kecoh-di-klia-cuba-selamatkan-pelawat
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/09/26/mukhriz-kakitangan-awam-sabotaj-ph-sudah-dikenal-pasti/
- https://www.sinarharian.com.my/article/124927/berita/nasional/percayalah-penjawat-awam

Mengapa Pembesaran Airport Penang Lulus?

- Menteri Pengangkutan dalam pengumumannya pada 27 Februari 2024, mengatakan bahawa Kabinet telah meluluskan projek pembesaran dan peningkatan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dengan kos melebihi **RM1 bilion**.
- Sebelum ini, Kabinet juga telah meluluskan peruntukan RM93 juta untuk membantu perolehan tanah dan penambahbaikan prasarana bagi pembesaran lapangan terbang. Walau bagaimanapun, kos sebenar projek dan model pembiayaan projek masih belum dikenal pasti kerana masih di peringkat awal bidaan tender.
- Timbul tanda tanya mengapa **LTAPP perlu dibesarkan**. Hal ini kerana Ketua Menteri Pulau Pinang dalam sidang DUN pada tahun 2020 memaklumkan bahawa cadangan pembesaran LTAPP adalah untuk menampung peningkatan hampir 16 juta penumpang setahun. Sedangkan dapatan konsultan Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan (NASP) pula mengatakan bahawa LTAPP masih mampu mengendalikan permintaan kargo dan penumpang.
- Setakat ini, LTAPP mempunyai **kapasiti yang mencukupi** untuk mengendalikan sebarang peningkatan daripada segi pengendalian penumpang sehingga 20 juta penumpang setahun (mppa) sehingga tahun 2042.
- Cadangan pembesaran LTAPP yang akan diterajui oleh MAHB wajar ditelitikan, apakah kajian kebolehlaksanaan dan alam sekitar telah dilakukan? Apakah Pulau Pinang telah melaksanakan kajian NASP? Jika ada, apakah hasil kajian NASP berkaitan pembesaran LTAPP?
- Dalam masa yang sama, Kabinet masih lagi belum membuat keputusan tentang permohonan Kedah untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kedah (KXP). Walaupun menurut Menteri Besar Kedah, KXP telah

melalui **proses yang panjang** dan ketat sehingga dapat diangkat ke dalam mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk kelulusan.

- Kedah telah membentangkan lima kajian kebolehlaksanaan kepada MPFN yang menunjukkan projek ini boleh menjadi pemangkin kepada wilayah koridor Utara. Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan (MOT) juga sedang melakukan kajian NASP bagi projek KXP, sebagai syarat untuk menjalankan mana-mana projek pembesaran atau pembinaan lapangan terbang baru.
- Selain itu, sesi libat urus pula telah dilakukan melibatkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan MOT. Kerajaan Kedah juga telah mengenal pasti model kaedah pembiayaan swasta (PFI) dalam projek pembinaan KXP ini. Akhirnya, MPFN telah memberikan **kelulusan secara dasar** dengan lapan nasihat yang mesti dipenuhi. Manakala LTAPP masih belum ada kajian NASP seperti yang diwajibkan untuk tujuan pembesaran lapangan terbang.
- Maka tindakan kerajaan ini telah menimbulkan tanda tanya, mengapa LTAPP ini seolah-olah diberi keistimewaan untuk dibesarkan walaupun hasil kajian NASP yang sepatutnya siap pada akhir tahun lepas belum dibentangkan. Di satu pihak, KXP tidak mendapat perhatian dan kelulusan kabinet walaupun semua syarat sedang dipenuhi. Apapun tindakan kerajaan haruslah mengutamakan pembangunan dan kebajikan rakyat serta negara.

RUJUKAN

- https://www.nst.com.my/business/corporate/2024/02/1018200/malaysia-boasts-366-skyscrapers-jan-3
- https://www.malaysiakini.com/news/697443
- https://www.sinarharian.com.my/article/650073/edisi/utara/pembesaran-ltapp-isu-penempatan-semula-kakitangan-mahb-selesai
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemudahan-lapangan-terbang-pulau-pinang-masih-mampu-kendali-permintaan-penumpang-kargo-426288?

Pelaburan Meningkat, Apa Rakyat Dapat?

- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini mengumumkan Malaysia mencatat jumlah **pelaburan diluluskan tertinggi** dalam sejarah negara, sebanyak RM329.5 bilion pada tahun lalu, iaitu 23 peratus lebih tinggi berbanding 2022.
- Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, jumlah pelaburan yang diluluskan itu membabitkan 5,101 projek dan berpotensi mewujudkan lebih **127,000 peluang pekerjaan** baharu kepada rakyat.



- Tambah Anwar, meskipun nilai Ringgit kini sedang jatuh menjunam menghampiri paras terendah sejarah negara, prestasi kewangan Malaysia masih mampu menunjukkan pencapaian yang luar biasa dengan peningkatan jumlah pelaburan, penguncupan kadar inflasi dan penurunan kadar pengangguran.
- Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz semasa mengulas pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri menyatakan 85 peratus pelaburan diluluskan itu adalah pelaburan yang mampu direalisasikan.
- Ia merangkumi Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak 57.2 peratus dan Pelaburan Langsung Domestik (DDI), 43 peratus. Jumlah pelaburan domestik juga dilihat naik 35 peratus berbanding yang diluluskan tahun sebelumnya.

- Tambah Tengku Zafrul lagi, kejayaan dicapai ini juga merupakan **petunjuk keyakinan pelabur** kepada prospek ekonomi negara. Sesuatu pelaburan memerlukan tempoh masa yang panjang untuk direalisasikan, justeru jumlah pelaburan yang dicapai ini sekaligus mencerminkan Malaysia terus dilihat sebagai hub pelaburan yang penting serta mampu menjamin keuntungan kepada para pelabur.
- Walau bagaimanapun, situasi yang dihadapi rakyat di bawah tampaknya berbeza malahan ramai warga turut tertanya-tanya mengenai manfaat yang diperoleh daripada hasil kejayaan negara dengan jumlah pelaburan besar ini.
- Kadar kenaikan kos sara hidup terus meningkat saban hari meskipun kerajaan mengumumkan **kadar inflasi kekal rendah** pada Januari 2024 sebanyak 1.5 peratus iaitu kadar sama sejak November 2023 dengan mata indeks mencatatkan 131.4 berbanding 129.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Harga barang juga tidak menunjukkan sebarang trend menurun malahan terus naik dan mencengkam kewangan rakyat. Malahan, harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan juga dijangka akan naik lagi apabila kadar **Cukai Jualan dan Perkhidmatan** (SST) baharu sebanyak 8 peratus akan mula dilaksanakan 1 Mac ini.
- Kerajaan seharusnya sedar bahawa persepsi dan kesusahan dihadapi rakyat di bawah juga harus diberikan solusi yang menyakinkan. Nilai pelaburan besar yang diumumkan juga masih tidak pasti dan belum tentu akan berjaya dilaksanakan.
- Sebagaimana yang disebut Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, kejayaan sesebuah pelaburan tidak mampu dilihat dalam tempoh yang singkat. Maka, apa yang dilihat pada hari ini adalah hasil usaha keras **kerajaan terdahulu** melobi membawa masuk pelabur-pelabur berkualiti.

- Justeru, dalam tempoh masa berbaki, kerajaan PH-BN perlu memanfaatkan peluang berusaha lebih gigih dalam menyelesaikan kemelut rakyat dan membuktikan bahawa jumlah pelaburan yang gah disebut-sebut itu benar-benar pelaburan yang mampu dilaksanakan untuk manfaat rakyat.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215660/malaysia-catat-pelaburan-tertinggi-dalam-sejarah-rm3295-bilion-tahun
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1216334/pelaburan-diluluskan-petunjuk-keyakinan-prospek-ekonomi-negara
- https://malaysiagazette.com/2024/02/25/ringgit-jatuh-inflasi-turun-tapi-pelaburan-meningkat-satu-pencapaian-luar-biasa-pm/
- https://www.malaysiakini.com/news/697079

Sektor Perladangan Kelapa Sawit Kurang Pekerja

- Sektor peladangan di negara kekurangan hampir **40,000 pekerja** ketika ini. Perkara ini dimaklumkan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani ketika menjawab pertanyaan soalan tambahan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) mengenai kekurangan tenaga kerja yang merencatkan nilai eksport kelapa sawit negara.
- Beliau menyatakan masalah ini timbul kerana terlalu ramai pekerja asing yang dibawa masuk ke negara didaftarkan atas industri **pembuatan dan perkhidmatan.**

  Malahan, mengikut statistik, terdapat kira-kira lebihan 165,000 pekerja asing bagi sektor pengilangan serta 27,000 pekerja asing untuk sektor perkhidmatan.



- Beliau memaklumkan perlu satu kaedah untuk **memobilisasikan lebihan pekerja asing** dalam dua sektor itu ke sektor perladangan.
- Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia juga difahamkan telah menghentikan **kuota masuk pekerja asing**. Namun, beliau dalam usaha meyakinkan untuk memindahkan pekerja asing ke sektor tersebut.
- Sehingga kini, negara telah menanggung kehilangan RM7.9 bilion nilai eksport akibat kekurangan pekerja. Anggaran kerugian ini mengambil kira nilai ekonomi diterjemahkan melalui tuaian satu tan kelapa sawit bagi setiap seorang tenaga kerja bagi tempoh 265 hari.

- Beliau juga mengakui industri sawit negara berdepan masalah kritikal untuk menuai komoditi berkenaan memandangkan tiada teknologi yang boleh digunakan bagi proses terbabit. Jadi, kementerian sedang melaksanakan Program TVET bagi melahirkan penuai sawit profesional yang mampu meraih pendapatan melebihi RM3,500 sebulan.
- Tidak dinafikan kemasukan pekerja asing diperlukan bagi memaksimumkan keuntungan, namun kerajaan perlu memperbanyak lagi program yang melibatkan anak muda tempatan ke dalam sektor tersebut. Satu kaedah untuk menaikkan gaji pekerja sektor perladangan perlu disegerakan demi menjamin minat anak bangsa.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1217540/kekurangan-tenaga-kerja-industri-sawit-negara-rugi-nilai-eksport
- https://malaysiagazette.com/2024/01/11/kursus-tvet-lahirkan-pekerja-tempatan-mahir-pungut-buah-sawit/

Caj Pelepasan Karbon Syarikat Penerbangan

- Pada tahun 2022, sektor penerbangan menyumbang sebanyak 2% kepada kadar **pelepasan karbon global**, malah meningkat pada kadar yang lebih pantas pada dekad ini berbanding pengangkutan jalan, kereta api atau perkapalan. Pelepasan karbon sektor ini meningkat pada kadar purata 2.3% setiap tahun sejak 1990 hingga 2019 dan telah mencecah lebih 600 juta tan.
- Menyedari kemelut ini, Kementerian Pengangkutan pada dasarnya bersetuju membenarkan syarikat penerbangan mengenakan **bayaran tambahan** bagi menampung pelepasan karbon mereka. Bayaran tersebut akan digunakan untuk membeli bahan api penerbangan mampan (*sustainable aviation fuel*, SAF), selain ada syarikat penerbangan tertentu akan membayar kredit karbon untuk mengimbangi pelepasan karbon mereka.
- Modus operandi sebegini sering digunakan oleh industri iaitu dengan mengalihkan kos berkaitan perubahan iklim kepada pelanggan mereka. Ia seolah-olah syarikat mahu berlepas tangan daripada bertanggungjawab terus terhadap operasi perniagaan mereka yang secara jelas memberi kesan terhadap perubahan iklim.
- SAF merupakan sejenis bahan api yang dihasilkan daripada sumber sayuran dan sisa minyak berbanding sumber bahan api fosil. Meskipun SAF menghasilkan jumlah pelepasan karbon yang sama apabila dibakar, namun berlaku penjimatan karbon daripada proses pembuatan bahan api tersebut.
- Selain itu, syarikat penerbangan boleh membeli pesawat moden yang memiliki enjin dengan kecekapan bahan api yang lebih baik berbanding pesawat lama. Langkah ini penting sebagai penjimatan jangka panjang, selain syarikat penerbangan mengoptimumkan laluan yang mengambil kira faktor tempoh penerbangan, bilangan purata penumpang dan keadaan cuaca.

RUJUKAN

- https://malaysiagazette.com/2024/02/23/kerajaan-setuju-benarkan-syarikat-penerbangan-kenakan-caj-pelepasan-karbon-loke/
- https://www.iea.org/energy-system/transport/aviation



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**